



e-Buletin

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



KAMI SEDIA MEMBANTU

EDISI MAC 2015



LAWATAN KERJA KE MUAR, JOHOR



APC JKN N.SEMBILAN



KARDIOVASKULAR



<http://www.moh.gov.my>



www.facebook.com/pages/kementerian-kesehatan-malaysia



<http://twitter.com/kkmputrajaya>



<http://www.youtube.com/kementeriankesehatan>



<http://instagram.com/kementeriankesehatanmalaysia>

HARI BUAH PINGGANG SEDUNIA 2015

Tarikh : 8 Mac 2015

Tempat : Padang Kota Lama, Pulau Pinang

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2015. Turut hadir YBhg Dato' Dr. Hj. Zailan binti Dato' Hj. Adnan, Pengarah Kesihatan Pulau Pinang, Datuk Dr Tan Chwee Choon, Ketua Perkhidmatan Nefrologi dan Datuk Dr Zaki Morad Mohd Zaher, Presiden Yayasan Buah Pinggang Negara. Pada tahun 2005, seramai 12,181 pesakit buah pinggang menerima rawatan dialisis dan jumlah itu meningkat kepada 28,822 orang pesakit pada tahun 2013 iaitu melebihi dua kali ganda dalam tempoh 9 tahun. Penyakit kencing manis dan tekanan darah tinggi yang tidak terkawal adalah punca utama penyakit kegagalan buah pinggang.



R&R TEMPAT LARANGAN MEROKOK

Tarikh : 5 Mac 2015

Tempat : Temerloh, Pahang

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah melancarkan kawasan Rehat dan Rawat (R&R) disemua lebuhraya Malaysia sebagai tempat larangan merokok. Turut hadir Dr. Zainal Ariffin Omar, Pengarah Kesihatan Negeri dan Nik Fauzi Nik Hussein, Pengarah Anih Berhad. Pewartaan ini bertujuan untuk melindungi orang awam daripada bahaya asap rokok. Kempen kesedaran akan diteruskan melalui pendekatan 'Tanggungjawab Tuan Punya Premis' iaitu pengusaha gerai makanan atau pekerja pembersihan akan dilatih untuk menegur perokok yang merokok di kawasan R&R.



LAWATAN KERJA YBTMK KE MUAR, JOHOR

Tarikh : 3 Mac 2015
Tempat : Muar, Johor

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan sehari ke Hospital Pakar Sultanah Fatimah dan Klinik Kesihatan Air Hitam, Muar, Johor. Malaysia diiktiraf oleh Portal Kesihatan Antarabangsa, *International Living* kerana mempunyai pengurusan sistem penjagaan kesihatan yang ketiga terbaik di dunia berbanding dengan 24 buah negara lain dengan Perancis berada di tempat pertama dan Uruguay di tempat kedua. Berdasarkan kepada pengiktirafan itu, YBTMK mengingatkan bahawa prestasi atau kriteria kejayaan sesebuah negara diukur berdasarkan kepada perkhidmatan kesihatan yang mampu diberikan kepada rakyat termasuk di kawasan pedalaman.



HARI PEMBANTU PERUBATAN 2015

Tarikh : 10 Mac 2015
Tempat : Hotel Everly, Putrajaya

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat Kebangsaan 2015. Turut hadir Y.Bhg. Datuk Farida Mohd Ali, KSU, En. Saiful Anuar, TKSU(P), Pengarah-pengarah JKN serta pegawai-pegawai kanan KKM. Sambutan ini diadakan pada 10 Mac setiap tahun dan "Kesihatan Rakyat Keutamaan Kami" adalah tema sambutan tahun ini yang bersesuaian dengan peranan Penolong Pegawai Perubatan (PPP) dalam memastikan agar masyarakat dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang selamat dan berkesan.



MOU-PERKHIDMATAN SOKONGAN HOSPITAL

Tarikh : 11 Mac 2015

Tempat : Hotel Marriott, Putrajaya

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah menjadi saksi pada Majlis Menandatangani Perjanjian Koneksi Perkhidmatan Sokongan Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang diwakili oleh YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, KSU. Pemeterian perjanjian ini membabitkan lima (5) buah syarikat yang merangkumi 148 buah hospital dalam tempoh 10 tahun bermula 1 April 2015.



SESI AMANAT & DIALOG KSU - JOHN

Tarikh : 11 Mac 2015

Tempat : Institut Kanser Negara (IKN)

YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, Ketua Setiausaha telah menghadiri sesi amanat dan dialog bersama para jurutera dan penolong jurutera operasi (JOHN) di bawah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan KKM. Majlis ini disertai oleh 200 orang jurutera dan penolong jurutera. KSU menyarankan agar semua jurutera memahami falsafah konsep penswastan serta kontrak perjanjian Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) yang baru. JOHN digalakkan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta memupuk hubungan erat dengan skim-skim lain di hospital.



SEMINAR TAHUNAN KESEHATAN PUSPANITA



“Stay Strong, Live Long, Fitness For Life”



Tarikh : 11 Mac 2015

Tempat : Dewan Seri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya

Y.Bhg. Datuk Farida Mohd Ali, Ketua Setiausaha telah menyempurnakan Majlis Penutup Seminar Tahunan Kesihatan Puspanita bertempat di Dewan Seri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya. Majlis ini bertemakan “Stay Strong, Live Long, Fitness For Life” untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat berkaitan dengan gaya hidup yang sihat. Tema yang digunakan bersesuaian dengan usaha kerajaan untuk membendung kejadian penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCD) di negara ini.



MINGGU KESEDARAN GARAM SEDUNIA 2015

Tarikh : 12 Mac 2015

Tempat : Dewan Serbaguna KKM, Putrajaya

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Sambutan Mingguan Kesedaran Garam Sedunia 2015 Peringkat Kebangsaan. Turut hadir TKSU(P) dan Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit. Tema sambutan kali ini ialah “Makan di Luar, Kurang Masin, Pilihan Sihat” yang menekankan pilihan makanan yang rendah kandungan garam ketika makan di luar. Sambutan ini mensasarkan 3 kumpulan iaitu pelajar sekolah rendah dan menengah, pekerja serta pengusaha makanan.



HARI KESIHATAN KARDIOVASKULAR

Tarikh : 13 Mac 2015

Tempat : Dewan Serbaguna KKM, Putrajaya

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan telah merasmikan Majlis Sambutan Hari Kesihatan Kardiovaskular 2015 anjuran bersama MBJ, KKM. Turut hadir ialah YBrs. En Saiful Anuar, TKSU(P), YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim Sulaiman, TKPK(A) dan Dato' Dr. Ardi Haji Awang, Pengarah Hospital Serdang. "Di sini Lahirnya Warga Sihat & Cemerlang" merupakan tema yang dipilih bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat akan pentingnya mengetahui peranan jantung dan bahaya penyakit kardiovaskular. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pameran & pemeriksaan kesihatan kardiovaskular, promosi keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan promosi pendamaian organ dengan kerjasama daripada hospital Serdang.



LAWATAN KERJA KSU KE PORT DICKSON

Tarikh : 13 Mac 2015

Tempat : Port Dickson, Negeri Sembilan

YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, Ketua Setiausaha telah membuat lawatan kerja ke Hospital Port Dickson. Turut bersama ialah Datuk Dr. Chen Chaw Min, TKSU (K), Dr. Ariffin Mohamad, Pemangku Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan serta pegawai-pegawai dari JKN. KSU juga mengambil kesempatan melawat Kolej Jururawat Masyarakat Port Dickson, Klinik Kesihatan Port Dickson dan lawatan Tapak Pusat Latihan Eksekutif Port Dickson. Beliau turut melawat ke Klinik Port Dickson bagi melihat dan memastikan pelaksanaan Program *Medical Equipment Enhancement Tenure* (MEET) dengan syarikat QMS Sdn. Bhd berjalan dengan lancar.





Tarikh : 16 Mac 2015

Tempat : Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan, telah menghadiri majlis penganugerahan 2014 A' Design Awards. World Wide Web Domination telah memenangi pingat Gangsa, "A' Design Award Winner untuk Website "Nak Sihat" di bawah kategori Website and Web Design oleh 2014 A' Design Awards KKM telah melancarkan kempen "Nak Sihat" bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia tentang kepentingan kesihatan dan menggalakkan rakyat Malaysia sentiasa menitikberatkan aspek kesihatan.



INTERACTIVE MEDIA AWARDS, THE DESIGN & THE 20TH ANNUAL COMMUNICATOR AWARDS 2014



LAWATAN KERJA KE HOSPITAL TENGGU ANIS

Tarikh : 21 Mac 2015

Tempat : Pasir Puteh, Kelantan

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan telah mengadakan lawatan ke Hospital Tengku Anis (HTA), Pasir Puteh. Turut bersama ialah YBhg. Dato' Dr. Ahmad Razin bin Dato' Hj. Ahmad Mahir, Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan dan Dr. Hjh. Naimah binti Hj Jaafar, Pengarah Hospital Tengku Anis. Tujuan lawatan adalah untuk meninjau fasiliti dan kemudahan yang di sediakan di hospital tersebut. KPK juga telah menjadikan HTA sebagai hospital yang mengamalkan program Hospital Mesra Ibadah. Beliau sempat beramah mesra bersama anggota KKM yang bertugas di beberapa bahagian seperti di wad bersalin, Unit Kecemasan dan Trauma.





**LAWATAN KE
KLINIK 1 MALAYSIA**

**Tarikh : 22 Mac 2015
Tempat : Tumpat, Kelantan.**



YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan telah mengadakan lawatan ke Klinik 1Malaysia Pasir Pekan, Tumpat. Turut hadir sama ialah YBhg. Dato' Dr. Ahmad Razin Bin Dato' Hj. Ahmad Mahir, Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan dan YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Ahli Parlimen Jeli. Tujuan lawatan diadakan adalah untuk melihat kemudahan dan peralatan baru yang terdapat di Klinik 1Malaysia Pasir Pekan. Kemudahan yang disediakan di klinik ini dapat memudahkan urusan penerimaan pesakit dan mempercepatkan proses menunggu di samping kemudahan wad yang mencukupi.



**MESYUARAT AGONG TAHUNAN
PERSATUAN JURURAWAT MALAYSIA**

**Tarikh : 22 Mac 2015
Tempat : Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan.**

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Perasmian Mesyuarat Agong Tahunan Persatuan Jururawat Malaysia yang Ke-65 di Hotel Grand Riverview. Hadir sama ialah YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK yang turut meraikan ahli-ahli Pesatuan Jururawat Malaysia. KKM sentiasa mengiktiraf jasa profesion kejururawatan terhadap menjaga tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat sama ada di bandar atau di desa. Pengorbanan para jururawat semasa kejadian banjir dilihat sebagai satu sokongan moral yang sangat dihargai.



LAWATAN KE LOKALITI DENGGI

Tarikh : 25 Mac 2015

Tempat : Shah Alam, Selangor

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah membuat lawatan dan pemeriksaan ke lokaliti hotspot denggi di kawasan Taman Perumahan Seksyen 7, Shah Alam. Turut mengiringi lawatan ini ialah Dr S. Balachandran, Pengarah Kesihatan Negeri Selangor. Tujuan lawatan ini ialah melihat kaedah ujian 'Cone Bioassay' terhadap nyamuk dan langkah kawalan baharu menerusi teknik semburan kawalan nyamuk Aedes, "Outdoor Residual Spray" (ORS). Dari Januari hingga 21 Mac 2015, Selangor mencatatkan kes demam denggi tertinggi sebanyak 58% daripada 30,890 kes di seluruh negara berbanding 21,967 kes tempoh yang sama pada tahun 2014.



APC JKN NEGERI SEMBILAN

Tarikh : 25 Mac 2015

Tempat : Seremban, Negeri Sembilan

YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, Ketua Setiausaha telah menghadiri Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan Kesihatan Negeri Negeri, Sembilan Tahun 2014, bertempat di Dewan Majlis Perbandaran Seremban. Turut hadir ialah Dr. Ariffin Mohamad, Pemangku Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan. Seramai 835 warga JKN telah disaring melalui sistem e-APC yang dibangunkan sendiri oleh JKN Negeri Sembilan. KSU turut menyarankan kepada semua warga kerja JKN Negeri Sembilan agar tidak hanya tertumpu kepada pencapaian output dan produktiviti sahaja tetapi sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan dan memberi tambah nilai kerja.



AWARENESS MONTH CANCER

Tarikh : 29 Mac 2015

Tempat : Hospital Pantai, Kuala Lumpur

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pegarah Kesihatan telah menghadiri Program "Awareness Month Cancer" di Hospital Pantai, Kuala Lumpur. Program ini mendapat kerjasama daripada Colorectal Cancer Survivorship Society Malaysia (CORUM) yang disahkan oleh Malaysian Society of Colorectal Surgeons (MSCRS) untuk melancarkan Blue Star - 'Buds & Guts'. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang bahaya Kanser Kolorektal yang boleh mengancam nyawa.



Tarikh : 26 - 29 Mac 2015

Tempat : Kelana Jaya, Selangor

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah melancarkan *Nutrition Month Malaysia 2015* di Paradigm Mall, Kelana Jaya. Turut hadir dalam majlis ini ialah Prof Emeritus Dr Mohd Ismail Noor, Naib Presiden Persatuan Pemakanan Malaysia. Tema yang dipilih kali ini ialah "Eat Right, Move More, Prevent Diabetes from Young!". Sambutan ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya diabetes dan info makanan sihat. Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan (NHMS) mendapati kira-kira 2.6 juta rakyat Malaysia menghidap diabetes pada tahun 2011.



NUTRITION MONTH MALAYSIA 2015



PATIENT SAFETY SEMINAR

Tarikh : 26 - 29 Mac 2015

Tempat : Auditorium Parcel E, Putrajaya

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan telah menghadiri "Patient Safety Seminar on Suicide Risk Management In Hospitals" yang dianjurkan oleh Unit Keselamatan Pesakit dan Perkhidmatan Kesihatan Psikiatri dan Mental. Berdasarkan statistik Pelaporan Insiden, terdapat 40 kes yang dilaporkan pesakit membunuh diri di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dari tahun 2012 hingga 2014. Penyakit mental terutamanya kemurungan, kebergantungan kepada alkohol dan personaliti impulsif adalah faktor utama risiko untuk membunuh diri. KKM telah menghasilkan Garis Panduan mengenai Pengurusan Risiko Bunuh Diri di hospital untuk menangani isu itu.



MESYUARAT DENGGI

Tarikh : 31 Mac 2015

Tempat : Parlimen, Kuala Lumpur

Tan Sri Dato' Haji Muhyidin bin Haji Mohammad Yassin, Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan mengenai Denggi bersama YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan. Turut hadir ialah Ketua Pengarah Kesihatan, TKPK (A), wakil Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kerja Raya dan agensi-agensi lain. Pasukan Khas yang ditubuhkan akan membantu KKM untuk menangani isu denggi di luar bidang kuasa mereka seperti pengurusan sampah, pengurusan tapak binaan, struktur bangunan yang menjadi tempat pembiakan Aedes dan sistem perparitan yang tidak diselenggara.



PERSARAAN PEGAWAI - PEGAWAI DI IPKKM BAGI BULAN FEBRUARI 2015



DR. SHARFUDIN BIN NOORDIN

Jawatan/Tempat TIMBALAN PENGARAH PEGAWAI PERUBATAN
GRED KHAS C, BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN

Tarikh Bersara 03.04.2015 (BERSARA WAJIB)

Anugerah/ Pingat APC 2013

Tempoh Perkhidmatan 16.11.1984 HINGGA 03.04.2015
30 TAHUN 4 BULAN



ENCIK AHMAD ZAKHI BIN RAMLI

Jawatan/Tempat KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN PEGAWAI FARMASI
GRED U54, BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI

Tarikh Bersara 13.03.2015 (BERSARA WAJIB)

Anugerah/ Pingat APC 1992 & 2002

Tempoh Perkhidmatan 22.05.1985 HINGGA 13.03.2015
29 TAHUN 9 BULAN



PUAN KHAIROM BINTI ABDULLAH

Jawatan/Tempat PEMBANTU TADBIR (P/O)
GRED N22, BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN

Tarikh Bersara 25.03.2015 (BERSARA WAJIB)

Anugerah/ Pingat APC 2000 & 2006

Tempoh Perkhidmatan 05.07.1976 HINGGA 25.03.2015
38 TAHUN 8 BULAN



PUAN NORAINI BINTI ABD HAMID

Jawatan/Tempat PEMBANTU TADBIR (P/O)
GRED N26, BAHAGIAN PEROLEHAN & PENSWASTAAN

Tarikh Bersara 01.04.2015 (BERSARA PILIHAN)

Anugerah/ Pingat APC 1989, 1993 & 2006

Tempoh Perkhidmatan 02.04.1979 HINGGA 01.04.2015
36 TAHUN

PENASIHAT

KETUA SETIAUSAHA

YBhg. Datuk Farida Mohd Ali

KETUA PENGARAH KESIHATAN

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (P)

Encik Saiful Anuar Bin Lebai Hussien

KETUA PENGARANG

Hapsah Binti Mohd Dusa

PENGARANG

Baharudin bin Mohamad

Mohd Azizan bin Azmi

Mohd Iswandy bin Wally

Mona Ang

PENYUMBANG ARTIKEL

Pejabat Ketua Setiausaha

Pejabat Ketua Pengarah Kesihatan

Unit Komunikasi Korporat